

# **Falsafah Dan Amalan Pendidikan Teknik dan Vokasional : Mengikut Acuan Malaysia**

*Norjana binti Kormin, Rohana binti Hamzah, Amirmudin bin Udin*

## **ABSTRAK**

Falsafah pendidikan merupakan panduan bagi semua aktiviti pendidikan. Cabang pendidikan dalam bidang teknik dan vokasional tidak terkecuali menjadikan falsafah sebagai garis panduan kepada warga pendidikan dalam bidang ini untuk merealisasikan matlamat negara untuk melahirkan pelajar yang berkemahiran tinggi dan seterusnya terlibat dalam memajukan negara Malaysia. Artikel ini membincangkan falsafah dan amalan pendidikan teknik dan vokasional yang patut dilaksanakan di Malaysia. Falsafah yang dibentuk adalah berdasarkan sistem pendidikan di Malaysia yang meletakkan keredhaan Allah sebagai matlamat akhir. Falsafah PVT ini dapat menjelaskan tujuan dan matlamat pendidikan untuk individu dan negara yang selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dan Falsafah Pendidikan Islam (FPI) untuk melahirkan insan yang berilmu, berakhlak mulia, seimbang dan bertanggungjawab serta membentuk warganegara Malaysia yang baik. Kesepaduan antara FPI dan FPK dijadikan perkara asas dalam pengamalan pendidikan teknik dan vokasional di Malaysia. Akhirnya, falsafah PVT yang dibentuk merangkumi semua cabang falsafah serta berdasarkan persekitaran Malaysia dapat diterjemahkan.

Kata kunci: falsafah, pendidikan, teknik dan vokasional, cabang falsafah, Malaysia

## **ABSTRACT**

*Educational philosophy as a guide for all activities in the field of education. Technical and vocational field in education was not spared to make philosophy as a guide to staff education in this field to realize the national goal to produce students who are highly skilled and thus are involved in developing the nation. This article discusses the philosophy and practice of technical and vocational education should be implemented in Malaysia. Philosophy, which is based on the Malaysia education system in the place of God's pleasure as the goal. The formed philosophy could explain the purpose and goals of education for individuals and countries in line with the National Education Philosophy (FPK) and the Educational Philosophy of Islam (FPI) to produce the wise, noble, and establishing a balanced and responsible citizen who have a good manner. Combination between FPI and FPK become the basis for the adoption of technical and vocational education in Malaysia. Finally, PVT philosophy that includes all branches of philosophy, according to the Malaysian environment can be translated.*

Key words: philosophy, education, technical and vocational, branch of philosophy, Malaysia

## **Pendahuluan**

Perubahan era globalisasi masa kini menjadikan pendidikan teknik dan vokasional menjadi salah satu agenda utama negara untuk pembangunan negara melalui visi dan misi negara iaitu Wawasan 2020 dalam mencapai taraf negara maju pada tahun 2020.

Pembentukan falsafah pendidikan pendidikan teknik dan vokasional (PTV) amat penting untuk memastikan semua pihak yang terlibat jelas dengan matlamat pendidikan teknik dan vokasional di Malaysia.

Falsafah PTV di Malaysia hendaklah berkait rapat dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang telah dibentuk pada tahun 1987. Penggubalan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam tahun 1987 (FPK-1987) telah meletakkan Islam sebagai roh pendidikan dan pembangunan insan kerana warga pendidikan bersetuju Islam sebagai salah satu cara hidup yang sempurna dan telah disepekat (1980).

Dalam tahun 1991 konsep pembangunan insan telah diterima sebagai asas Wawasan 2020. Ini diikuti dengan pembinaan paradigma masyarakat madani sebagai agenda pendidikan dan pembangunan negara (1996-2000). Sekarang ini (2010) Islam berfungsi sebagai nukleus pembangunan dan kesejahteraan hidup. Rentetan atau evolusi pendidikan di atas (1980-2010) jelas membuktikan bahawa pendidikan Malaysia sudahpun mempunyai Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dan Falsafah Pendidikan Islam (FPI).

Ungkapan Falsafah Pendidikan Kebangsaan adalah seperti berikut:

*“Pendidikan di Malaysia adalah satu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara” (KPM,1987).*

Pernyataan FPK di atas adalah selaras dengan Falsafah Pendidikan Islam yang ungkapannya seperti berikut:

*“Pendidikan Islam adalah satu usaha berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan Al-Qur’an dan As-Sunnah, bagi membentuk sikap, kemahiran, keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba Allah yang mempunyai*

*tanggungjawab untuk membangun diri, masyarakat, alam sekitar dan negara ke arah mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan di akhirat.” (KPM, 2002).*

Merujuk kepada Mellin D. Miller (1984), beliau telah mentafsirkan falsafah dalam pendidikan teknik dan vokasional adalah seperti berikut;-

*“Philosophy is defined as a conceptual framework for synthesis and evaluation that represents a system of values to serve as a basis for making decisions that project vocational education’s future.”(pg 3)*

Falsafah ini dibentuk dari falsafah pragmatisma yang beliau yakini paling berkesan untuk PVT. Beliau menyatakan bahawa pendidik vokasional amat berjaya dalam hal-hal praktikal dan sangat relevan dengan keperluan PVT, dengan menggunakan prinsip-prinsip pragmatisme sebagai rangka rujukan dan asas untuk pendidikan di tempat kerja yang pastinya amat berkait dengan matlamat PVT. Pragmatisma menyatakan bahawa para pendidik dan pelajar sama-sama penting dalam proses pembelajaran, realiti atau situasi dunia nyata memberi tekanan, konteks dan pengalaman yang penting dalam pendidikan, pendidikinya mestilah progresif, dan terbuka dengan idea-idea yang baru.

Pragmatisma, seperti yang dinyatakan oleh Miller, mengimbangi falsafah essentialisma dan existentialisma serta membenarkan idea-idea baru untuk dipertimbangkan dalam praktikal (dalam lingkungan rangka kerja). Pragmatisma bertanggungjawab dalam program pembangunan inovasi yang mana ianya memberi ruang kepada pendidikan teknik dan vokasional untuk mencapai keperluan tempat kerja pada masa hadapan.

Berdasarkan suasana di Malaysia yang majoriti penduduknya beragama Islam, falsafah Miller di atas perlu diubah bersesuaian dengan Malaysia yang telah meletakkan Islam sebagai roh pendidikan dan pembangunan insan kerana warga pendidikan bersetuju Islam sebagai salah satu cara hidup yang sempurna dan telah disepekat. Oleh itu, Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Islam perlu dihayati dan difahami sebelum Falsafah Pendidikan Teknik dan Vokasional dibentuk supaya matlamat kedua-dua falsafah dapat dicapai seiring dengan pencapaian dalam bidang teknik dan vokasional.

## **Konsep Falsafah**

Falsafah merujuk kepada Kamus Dewan Edisi Keempat (2007) ditakrifkan sebagai pengetahuan tentang pengertian yang dianggap sebagai ilmu yang tertinggi yang menjadi dasar-dasar ilmu lain. Bagi rujukan umum, di sini adalah satu contoh takrif falsafah daripada Sidi Gazalba (1974) :

*Berfalsafah ialah mencari kebenaran dari kebenaran untuk kebenaran, tentang segala sesuatu yang dimasalahkan, dengan berfikir secara radikal, sistematik dan sejagat. Apabila seseorang berfikir demikian dalam menghadapi masalah dalam hubungannya dengan kebenaran, adalah orang itu telah memasuki falsafah. Penuturan dan huraian yang tersusun oleh pemikirannya itu adalah falsafah.*

Daripada pendapat tersebut, rumusan dapat dibuat bahawa falsafah seharusnya ditanda dengan caranya iaitu berfalsafah, dan juga masalahnya iaitu persoalan falsafah. Maka hasilnya adalah karya falsafah. Mengikut Miller (1984) pula, falsafah yang diperlukan untuk mencari jawapan kepada tiga persoalan asas, "What is real?", "What is truth?" dan "What is good?"

Falsafah merangkumi lima cabang utama iaitu kajian tentang metafizik (ontology) yang merangkumi persoalan tentang kewujudan dan hakikat kehidupan. Seterusnya, epistemologi pula merupakan kajian tentang kebenaran yang memfokuskan kepada bagaimana kita mengetahui sesuatu perkara dan mengembangkan pengetahuan. Aspek etika pula adalah bidang memikirkan tentang kemoralan dan tingkahlaku manusia. Selain itu, bidang estetika memikirkan keindahan keadilan amalan manusia dalam mencorak dan mengubah dunia. Akhir sekali, logik yang merupakan cabang falsafah yang mengkaji penaakulan manusia.

## **Konsep Falsafah Pendidikan Teknik dan Vokasional : Mengikut Acuan Malaysia**

Seperti yang telah dijelaskan sebelum ini, falsafah PVT perlu selari dengan FPK dan FPI yang telah dibentuk supaya matlamat pendidikan tidak tersasar dan bercelaru. Oleh itu, pemahaman kepada kedua-dua falsafah mengikut cabang falsafah mestilah jelas.

Menurut Dr.Tajul Ariffin Noordin(1988), analisis falsafah FPK dan FPI dapatlah dibuat seperti Jadual 1.

| Cabang Falsafah        | Ulasan/Pengertian                                                                                                  |
|------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Metafizik<br>(Realiti) | Aqidah adalah satu realiti dan menjadi teras ilmu dan pendidikan                                                   |
| Epistemologi<br>(Ilmu) | Ilmu wahyu (Al-Qur'an dan As-Sunnah) adalah benar dan berfungsi sebagai teras kepada ilmu akal yang bersifat betul |
| Aksiologi<br>(Nilai)   | Konsep insan dan pembinaan komuniti ummah (masyarakat madani) berpaksikan ilmu wahyu                               |

Jadual 1: Analisis FPN dan FPI menurut paradigma Pendidikan Bersepadu

Untuk membentuk falsafah PVT yang bercirikan Malaysia, perbandingan dan perbincangan mengenainya akan dihuraikan mengikut cabang falsafah iaitu aspek metafizik, epistemologi, etika, logik dan estetika.

### Metafizik

Seperti yang telah dibincangkan sebelum ini, metafizik adalah kajian tentang perkara yang nyata (ontology) merangkumi persoalan tentang kewujudan dan hakikat kehidupan. Sebagai makhluk yang diciptakan oleh Allah SWT, manusia berperanan sebagai khalifah di muka bumi ini yang wajib taat dan percaya pada kewujudan Tuhan. Sebagai khalifah, manusia diamanahkan untuk membangunkan diri, masyarakat dan negara di muka bumi.

Firman Allah SWT:

*“Ingatlah ketika Tuhanmu berfirman kepada para Malaikat: “Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di muka bumi.” Mereka berkata: “Mengapa Engkau hendak menjadikan (khalifah) di bumi itu orang yang akan membuat kerusakan padanya dan menumpahkan darah, padahal kami senantiasa bertasbih dengan memuji Engkau dan mensucikan Engkau?” Tuhan berfirman: “Sesungguhnya Aku mengetahui apa yang tidak kamu ketahui.” (Al Baqarah : 30)*

Firman Allah SWT ini menegaskan bahawa Dialah yang menciptakan manusia di muka bumi agar manusia dapat menjadi khalifah. Apa yang dimaksudkan dengan khalifah ialah penguasa yang mengatur apa-apa yang ada di bumi, seperti tumbuhan, haiwan, hutan, air, sungai, gunung, laut, perikanannya dan manusia harus mampu memanfaatkan segala apa yang ada di bumi untuk kemaslahatannya. Manusia terpilih sebagai khalifah kerana manusia berkemahiran untuk berfikir secara kreatif dan mempunyai bakat, potensi dan kebolehan untuk dikembangkan. Bidang teknik dan vokasional juga merupakan salah satu urusan pendidikan manusia yang telah diamanahkan oleh Maha Pencipta untuk diatur sebaik-baiknya demi kebaikan seluruh umat manusia. Jika manusia telah mampu menjalankan itu semuanya maka sunatullah yang menjadikan manusia sebagai khalifah di bumi benar-benar dijalankan dengan baik oleh manusia tersebut, terutama manusia yang beriman kepada Allah SWT dan Rasulullah SAW.

## **Epistemologi**

Epistemologi pula merupakan kajian tentang kebenaran yang memfokuskan kepada bagaimana kita mengetahui sesuatu perkara dan mengembangkan pengetahuan. Ia turut menunjukkan jalan pencarian untuk mengenal kebenaran. Segala pengetahuan dan kebolehan mengembangkan pengetahuan adalah kerana Allah s.w.t. menganugerahkannya kepada manusia. Menurut Syarifah Alawiyah Alsagoff (1987), idea, fakta atau pengetahuan yang perlu dikuasai bukanlah hanya untuk masa akan datang, tetapi mestilah mengandungi bermacam-macam pengalaman mengenai sebarang perubahan.

Falsafah Barat cenderung mengatakan ilmu diperolehi melalui akal tetapi Falsafah Timur meyakini bahawa ilmu diperolehi melalui Al-Quran. Ini dipersetujui oleh Dr. Tajul Ariffin Noordin dalam artikelnya yang bertajuk Falsafah Dan Amalan Pendidikan Sepanjang Hayat : Menurut Acuan Malaysia;-

*“Kaedah saintifik yang benar disebut sebagai akhlak sains. Maksudnya isi kandungan sains harmoni dengan ilmu wahyu dan fitrah insan. Konsep-konsep seperti pernyataan masalah, andaian, hipotesis, persepsi, inferens dan lain-lain tidak boleh diasaskan kepada perspektif akal semata-mata. Pendekatan ini akan*

*menyebabkan berlakunya eksploitasi dan manipulasi fungsi minda untuk membenarkan pemikiran sendiri. Dengan ini akan lahir pemikiran logik yang hanya bersifat betul, tetapi bukan kebenaran ilmu. Apa yang diperlukan ialah akhlak sains yang akan membina kebenaran dalam isi kandungan sains itu sendiri.”*

Sebagai manusia yang mempercayai wujudnya Tuhan, ilmu wahyu (Al-Qur'an dan As-Sunnah) wajiblah diyakini benar dan berfungsi sebagai teras kepada ilmu akal yang bersifat betul. Walaupun bidang teknik dan vokasional dilihat seolah-olah terpisah dari pendidikan Islam, namun ia tetap merupakan bidang ilmu yang dianugerahkan oleh Tuhan untuk dikembangkan sebagai salah satu perkara asas untuk pembangunan manusia dan negara.

## **Etika**

Bidang falsafah ini memikirkan tentang kemoralan dan tingkah laku manusia. Ia turut mengkaji kebaikan seseorang, kebaikan sesuatu masyarakat dan kebaikan sesuatu kehidupan. Manusia yang melalui proses pendidikan mestilah mengamalkan nilai-nilai murni supaya ilmu yang diamalkan tidak memberi kesan buruk kepada dirinya, masyarakat dan negara. Oleh itu, manusia harus sentiasa mengkaji apa yang betul dan apa yang salah supaya dirinya sentiasa berada di landasan yang betul dan diredhai Ilahi.

Menurut Dr. Tajul Ariffin Noordin dalam artikelnya yang bertajuk Falsafah Dan Amalan Pendidikan Sepanjang Hayat : Menurut Acuan Malaysia;-

*“Keharmonian di antara Al-Qur'an dan As-Sunnah dengan komponen falsafah dan sains adalah satu kemestian. Keharmonian ini memberi makna (makrifah) dan membina akhlak sains. Dengan ini akan terbinalah sifat dan amalan kebijaksanaan di kalangan pelajar. Dengan kebijaksanaan ini, pelajar akan dapat merasai nikmat dan kelazatan ilmu yang akan membawa kecintaan Allah SWT. Inilah yang dimaksudkan pendidikan sepanjang hayat.”*

Teknologi yang berkonsepkan tauhid melahirkan metodologi atau pendekatan yang mengambil kira syariat. Kepatuhan kepada syariat tidak menghalang kreativiti dan inovasi kerana kebebasan bagi mengkaji sudahpun diberikan oleh Islam. Walaubagaimanapun, teknologi yang terhasil tidak boleh digunakan bagi memusnahkan nyawa berdasarkan kata Nabi Muhammad SAW seperti yang diriwayatkan oleh Imam Malik, Al-Hakim, Baihaqi dan Ibn Majah yang bermaksud:-

”Tidak boleh melakukan kemudaratan dan tidak boleh membalas dengan kemudaratan.”

Falsafah Barat turut menekankan aspek moral dalam pendidikan. Menurut falsafah pragmatism, pelajar tidak semestinya mengikut prinsip-prinsip moral, tetapi mereka dapat belajar membuat keputusan terhadap tindakan moralnya supaya dapat diterima oleh orang lain. Perkara yang benar atau salah boleh dikenalpasti dari penilaian secara berkumpulan.

## **Estetika**

Falsafah ini pula merupakan bidang yang memikirkan keindahan dan keadilan amalan manusia dalam mencorak dan mengubah dunia. Ini merupakan tujuan hidup manusia sebagai khalifah di alam ini. Pandangan manusia akan tertumpu kepada objek dan perkara kesenian yang memberi inspirasi dan jalan untuk menyumbang perkara-perkara kebaikan yang memberi kebaikan kepada manusia lainnya dan alam sekeliling.

Tokoh pragmatisma menganggap manusia melakukan sesuatu terhadap alam sekeliling dan manusia bertindak balas ke atas alam sekeliling dan alam sekeliling akan bertindak balas, maka alam sekeliling bertindak terhadap manusia. Ini bermakna apa yang diberikan oleh manusia kepada alam sekeliling akan dibalas mengikut jenis pemberian sama ada baik atau buruk.

Merujuk kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan, aspek estetika dapat dilihat pada frasa “...rakyat Malaysia yang berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri *serta* memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara ...” Ungkapan ini



merupakan impian dalam pendidikan Malaysia kerana sekiranya ia dapat dicapai, negara yang maju dari aspek fizikal dan mempunyai masyarakat madani dapat dipenuhi. Melalui falsafah PVT, diharapkan rakyat Malaysia yang dilahirkan adalah rakyat Malaysia yang mencapai kesejahteraan dengan mempunyai kemahiran dan terlatih, serta berkemampuan berfikir secara kreatif dan kritis supaya dapat menggunakannya untuk pembangunan negara.

## **Logik**

Bidang ini merupakan satu bidang yang mengkaji penaakulan manusia. Bidang ini berupaya menjadi kaedah untuk mengesan falasi (*fallacy*) dalam hujah mengenai pendidikan. Ia berupaya membuatkan manusia faham ilmu logikal selari dengan ilmu logik akal (*intellectual knowledge*). Dalam Konferensi Pendidikan Islam Yang Pertama (*First World Conference on Islamic Education*) yang diadakan di Mekah pada tahun 1977, pakar-pakar merumuskan ilmu secara dasarnya dibahagikan kepada dua, iaitu *naqli* (*revealed knowledge*) dan ilmu *aqli* (*acquired knowledge*). Ilmu *naqli* berkait rapat dengan Quran dan sunah manakala ilmu *aqli* berkait rapat dengan sains, teknologi dan ilmu-ilmu semasa yang lainnya.

Dalam bidang teknik dan vokasional yang mahukan pelajarnya menjadi insan kreatif dan berinovasi, unsur logik amat diperlukan dalam pendidikannya. Perkara yang tidak logik lebih penting daripada perkara yang logik di dalam proses kreativiti. Unsur perasaan yang tidak logik hendaklah diberi peluang untuk dijelaskan supaya menambah keberhasilan di dalam penyelesaian masalah. Di dalam agama Islam, manusia amat digalakkan berfikir untuk mencapai hakikat termasuk dalam menilai sesuatu secara kreatif. Nabi Muhammad pernah bersabda bahawa berfikir satu saat itu lebih tinggi nilainya daripada satu sembahyang malam.

## **Kesimpulan**

Sumber teras kepada semua pemikiran falsafah dan proses saintifik hendaklah merujuk kepada Al-Qur'an dan As-Sunnah iaitu ilmu wahyu yang bersifat benar. Inilah yang disebut sebagai paradigma Al-Qur'an. Nilai yang utama di sini ialah keyakinan. Pelajar mesti dibangunkan dengan sifat yakin..Inilah permulaan dan pertama dalam pembinaan aqidah Islam. Allah SWT yang memiliki segala kuasa infiniti dan merupakan pemerintah sekalian alam.

Ilmu wahyu adalah paksi dan nukleus kepada ilmu falsafah. Pelajar harus dibimbing untuk berfikir dan mencari pengertian dan makna secara beradab terhadap ayat-ayat Al-Qur'an dan maksud hadis Nabi SAW. Kejayaan dalam proses ini akan menghasilkan dua keadaan. Pertama, ialah rasa kecintaan dan kehairahan untuk mendekati diri kepada Allah SWT. Kedua, meningkatkan semangat dan kehairahan untuk lebih memahami tanda-tanda kekuasaan dan kebesaran penciptaan Allah SWT menerusi penerokaan dan penyelidikan secara saintifik. Seterusnya, ilmu saintifik yang telah dikaji boleh digunakan untuk pembinaan teknologi untuk kemakmuran masyarakat. Jalinan ilmu sains dan teknologi yang benar akan memperkasa keyakinan pelajar terhadap ilmu wahyu.

Orientasi falsafah PVT yang harmoni berfungsi sebagai paksi atau nukleus kepada proses pendidikan iaitu pengajaran dan pembelajaran. Satu acuan pendidikan akan terbentuk iaitu konsep kesepaduan ilmu. Konsep kesepaduan ilmu ini telah diungkapkan oleh Dr. Tajul Ariffin Noordin dalam tahun 1988 seperti berikut: *"Pendidikan yang berteraskan Al-Qur'an dan As-Sunnah yang disepadukan dengan disiplin-disiplin ilmu akal ke arah membina komuniti ummah (masyarakat madani) yang berteraskan aqidah"* (1988)

Setelah mendalami konsep falsafah PVT yang digabungjalinkan dengan FPK dan FPI, falsafah PVT boleh diungkapkan sebagaimana berikut,

*"Pendidikan teknik dan vokasional adalah satu usaha berterusan untuk melahirkan individu yang berilmu, berkemahiran dan berdaya saing membentuk kecemerlangan sains dan teknologi. Usaha ini bertujuan melahirkan pemimpin yang berupaya membangun dan memajukan diri, keluarga, masyarakat dan negara berpandukan kehendak Tuhan."*

Falsafah PVT yang diungkapkan diatas merangkumi semua cabang falsafah yang telah dibincangkan sebelum ini. Berdasarkan falsafah ini, matlamat pendidikan PVT ditekankan iaitu melahirkan pelajar yang berilmu pengetahuan dan dilengkapi dengan kemahiran yang tinggi. Pelajar juga diterapkan dengan nilai keyakinan dan kepimpinan supaya dapat bersaing dalam dunia realiti yang mencabar. Usaha ini diharapkan dapat membentuk sains dan teknologi yang cemerlang, serta berusaha memajukan diri, keluarga, masyarakat dan seterusnya negara. Walaubagaimanapun, pendidikan PVT menegaskan bahawa segala ilmu dan kemahiran yang diperolehi mestilah digunakan sebaiknya serta tidak bercanggah dengan kehendak Tuhan.

Individu yang cemerlang ialah seseorang yang hebat ilmu dan kemahirannya, serta dalam masa yang sama menjadikan kepercayaan dan keyakinan kepada Allah, Rasul, Al-Quran dan Sunnah sebagai panduan dan pelengkap hidupnya.

## **Rujukan**

Al-Quran

Danial Zainal Abidin. (2007). *Quran Saintifik: Meneroka Kecemerlangan Quran Daripada Teropong Sains*. Selangor. PTS Millennia Sdn. Bhd.

Miller, M. D. (1984). *Principles and a Philosophy for Vocational Education*. Columbus, OH: The Ohio State University, The National Center for Research in Vocational Education.

Rohana Hamzah. (2010). *Nota Pensyarah*. UTM,Skudai.

Sidi Gazalba.1974. *Sistematika Filsafat: Pengantar Kepada Dunia Filsfat, Teori Pengetahuan, Metafika, Teori Nilai*. Kuala Lumpur: Penerbitan Utusan Melayu Berhad.

Syarifah Alawiyah Alsagoff. (1987). *Falsafah Pendidikan*. Kuala Lumpur: Heinemann.

Tajul Ariffin Noordin. (1988). *Konsep Asas Pendidikan Sepadu*. Kuala Lumpur. Nurin Ent.

Tajul Ariffin Noordin.(2009).*Falsafah Dan Amalan Pendidikan Sepanjang Hayat : Menurut Acuan Malaysia*.